

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	10/12/2019	MUKA SURAT : 31
JABATAN	:	JPS	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Penduduk Sungai Golok bimbang

Dakwa benteng dibina kerajaan Thailand beri impak negatif banjir

HAZELEN LIANA KAMARUDIN

RANTAU PANJANG

Amaran gelombang kedua banjir yang dijangka berlaku pada 25 dan 26 Disember ini membingungkan penduduk di sepanjang Sungai Golok.

Merdeka mendakwa, pembinaan benteng setinggi 1.5 meter oleh kerajaan Thailand yang lengkap dengan sistem kamera litar tertutup (CCTV) itu memberikan impak negatif di kawasan Rantau Panjang ketika banjir melanda kawasan itu baru-baru ini.

Penduduk di sekitar Meranti dan Gelang Mas di jajahan Pasir Mas turut mengaku menerima



Penduduk di Kampung Siram masih dihantui 'banjir termenung'.

kesan buruk akibat limpahan 'tuar biasa' air Sungai Golok. Seorang penduduk, Kamillah Mohd Zin, 43, berkata, banjir mengganggu masa antara satu hingga dua hari untuk melimpah ke kawasan Kampung Bakong walaupun air Sungai Golok ber-ada pada paras bahaya.

"Bagaimanapun, pembinaan

benteng hanya mengambil masa beberapa jam sahaja untuk menenggelamkan kawasan kampung," katanya. Menurutnya, situasi itu menyebabkan penduduk kampung kelam-kabut dan tidak sempat menyelamatkan kelengkapan rumah.

Sementara itu, Mat Aripin

Mustafa, 62, dari Kampung Gua Tok Deh, Rantau Panjang turut mengaku perkara sama dan banjir kali ini berlaku dalam sekelip mata.

"Pada tahun ini, buat kali pertama saya terpaksa berpindah pada jam 3 pagi ekoran air naik dengan begitu cepat," katanya. Mat Aripin berharap banjir

buruk tidak berlaku sebagaimana yang diramalkan.

Sebelum ini, Pengurusan Bencana Negara (Nadma) memberi amaran gelombang banjir kedua dijangka berlaku pada 25 dan 26 Disember dalam skala sama atau melebihi gelombang pertama.

Mengikut ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia, terdapat empat hingga enam luruan angin yang boleh berlaku.

Seandainya, hujan lebat berlaku pada 25 dan 26 Disember ini dikehendaki berlaku pertembungan dengan air pasang besar di laut perairan Kelantan.

Bagaimanapun, banjir yang berlaku itu diramal seperti tahun 2016 dan 2017 sahaja.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa kampung di sepanjang Sungai Golok dari Rantau Panjang sehingga ke Meranti mendapati penduduk masih dihantui 'banjir termenung' walaupun paras sungai berada pada tahap berjaga-jaga iaitu 7.78 meter.